

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: _____

1. Apakah Trade Working Capital Financing-/(TWCF-)?

- **TWCF-** adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek yang direka untuk menyokong perniagaan dalam menguruskan keperluan modal kerja mereka, terutamanya dalam transaksi yang berkaitan dengan perdagangan.

- Jenis pembiayaan

TWCF- <i>i</i> Belian	TWCF- <i>i</i> Jualan
Digunakan untuk membiayai keperluan modal kerja pelanggan berdasarkan dokumen sokongan seperti invoice, dokumen pengangkutan (Bill of lading, Air Waybill etc) yang dikemukakan oleh pelanggan bagi tujuan membeli barangan.	Digunakan untuk membiayai keperluan modal kerja pelanggan yang menjual barangan secara kredit, dengan pembayaran dibuat berdasarkan invoice jualan dan dokumen berkaitan . Pelanggan hendaklah membayar balik jumlah pembiayaan kepada Bank dalam tempoh yang dipersetujui.

- Kadar keuntungan ditetapkan sebagai kadar terapan, yang ditentukan berdasarkan kelayakan kredit dan penilaian risiko kredit pelanggan.

Konsep Syariah yang digunakan

<u>Murabahah</u>	<u>Wakalah</u>	<u>Bai' Al-Dayn</u>	<u>Kafalah</u>
• Murabahah merujuk kepada kontrak jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan kepada pembeli.	• Wakalah ialah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang akan diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Melalui penyempurnaan Suratcara Perundangan [Letter of Offer, Master Facility Agreement dan Letter of <i>Wakalah</i> for TWCF- <i>i</i> Purchase], Bank melantik pelanggan sebagai ejen belian untuk membeli barangan yang diperlukan daripada pembekal/penjual berdasarkan konsep <i>Wakalah</i> .	• Bai' Al-Dayn merujuk kepada jual beli hutang dengan persetujuan kedua-dua pihak.	• Kafalah merujuk kepada kontrak dimana penjamin memberi jaminan kepada pihak ketiga atas kewajiban yang harus ditunaikan oleh pihak yang dijamin.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan perniagaan ini, **sebagai ilustrasi:**

TWCF- <i>i</i> Belian	Harga Belian = Nilai Pembiayaan (NP)	
	Harga Jualan = NP + $\left(\frac{NP \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan}}{365 \text{ atau } 366^* \text{ hari}} \right)$	
	Harga Belian	= RM10,000 (Nilai Muka Invoice)
	Harga Jualan	= RM10,000 + (RM10,000 x 3.75% x 90/365)
		= RM10,000 + RM92.47
		= RM10,092.47

*Margin pembiayaan = RM10,000.00 adalah 100% daripada invoice

Untuk TWCF-*i* Belian, secara keseluruhan anda akan membayar RM10,092.47 pada akhir tempoh.

TWCF- <i>i</i> Jualan	Harga Belian = NP - $\left(\frac{NP \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan}}{365 \text{ atau } 366^* \text{ hari}} \right)$	
	Nilai Muka = Nilai Pembiayaan (NP)	
	Harga Belian	= RM10,000 - (RM10,000 x 3.75% x 90/365)
		= RM10,000 - RM92.47
		= RM9,907.53
	Nilai Muka	= RM10,000.00

*Margin pembiayaan = RM10,000.00 adalah 90% daripada invoice

Untuk TWCF-*i* Jualan, secara keseluruhan anda akan membayar RM9,907.53 pada akhir tempoh.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Bayar kewajiban pembiayaan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Pastikan anda mampu membayar jumlah penyelesaian jika Kadar Dasar Semalaman (OPR) / Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) / Kos Dana (COF) **meningkat**.



Hubungi kami **segera** sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran pembiayaan anda.

Nota:

Untuk TWCF-*i*,

a) Margin pembiayaan - TWCF-*i*/Belian: Sehingga 100%.

b) Margin pembiayaan - TWCF-*i*/Sales: Sehingga 90%.

c) Tempoh pembiayaan: Minimum 14 hari | Maksimum 180 hari.

d) Kadar keuntungan: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + Margin (Tertakluk kepada penilaian Bank dan kedudukan kredit pelanggan).
*366 hari digunakan semasa tahun lompat.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

Peringkat Fasilitas		Peringkat Transaksi	
Bayaran Duti Setem	Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Ad-Valorem)	Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Nominal)
Caj Guaman & Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufliis, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan)	RENTAS	RM5.00
Sumbangan Takaful	Bergantung pada jumlah perlindungan yang diambil untuk Kemudahan	Interbank Giro (IBG)	RM2.00

Nota:

Yuran dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika ada), atau sebarang cukai lain seperti yang

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** sepertimana berikut:
 - Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar semalaman semasa *Islamic Interbank Money Market (IIMM)* ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- Bank berhak untuk **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk mengimbangi bayaran tertunggak atau baki pembiayaan perniagaan anda.
- Bank berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).
- Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan permohonan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar atau mahal.

4. Terma Penting Lain

- Rabat (*ibra'*) akan diberikan untuk penyelesaian awal, iaitu bersamaan dengan jumlah keuntungan tertunda.
 - Nilai penyelesaian akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertangguh}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} - Ibra' + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)}$$

- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pelan perlindungan Takaful ini adalah penting untuk memastikan baki pembiayaan anda dilindungi sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau mengikut terma perlindungan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
- Penjamin dan/atau aset pembiayaan mungkin diperlukan oleh Bank sebagai cagaran untuk Kemudahan, tertakluk kepada penilaian kredit pelanggan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan perdagangan anda, anda boleh:



Hubungi
1-300-88-2476



Lawati

<https://www.agrobank.com.my/product/trade-working-capital-financing-i-twcf-i/>



E-mel

customer@agrobank.com.my



Imbas kod QR di
atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangi.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh: